

**PRINT BERITA HARIAN - "Hard Rock Hotel Launches Campaign for People Who Need Help  
(Hotel Hard Rock Lancar Kempen Bantu Insan Memerlukan)" (DATE RAN 1 December 2015)**

## Hotel Hard Rock lancar kempen bantu insan memerlukan

Georgetown

Demi membantu 140 keluarga yang tidak berkemampuan, Hotel Hard Rock Pulau Pinang (HRHPP) dengan kerjasama FOODBANK4U melancarkan Kempen *Can Lah*, baru-baru ini.

Pengurus Besar HRHPP, John Primmer, berkata kempen yang diadakan pada setiap tahun ini bertujuan membantu golongan kurang berkemampuan dengan menghulurkan sumbangan, termasuk makanan dalam tin dan paket.

Beliau berkata, kempen dijalankan sepanjang November

dan Disember dengan membuka peluang orang ramai menghulurkan sumbangan makanan yang boleh diletakkan di dalam tempat khas

“

**Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan boleh datang terus ke HRHPP”**

**John Primmer,  
Pengurus Besar HRHPP**

yang disediakan di lobi hotel.

Katanya, orang ramai termasuk pelanggan hotel yang ingin menghulurkan sumbangan boleh datang terus ke HRHPP dan menyerahkan sumbangan sebagai tanda sokongan.

### Persembahan hiburan

“Bagi memeriahkan kempen ini, turut diadakan persembahan hiburan bertemakan *United Thru Music* yang disertai 15 kumpulan muzik tempatan.

“Bagi mereka yang ingin memberi sumbangan boleh menghadiri sesi khas iaitu *Jammin Against Hunger* pada 7 Disember ini di Hard Rock Cafe Pulau Pinang,” katanya.



Primmer (tiga dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada golongan memerlukan menerusi program *Can Lah* yang diadakan di Georgetown, baru-baru ini.

[FOTO RUDY SYAREME SHERIFFUDIN/BH]